

21 JUN 2000

Australia-Malaysia

PEGAWAI AUSTRALIA BIMBANG PERSELISIHAN POLITIK DENGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) - Srtiausaha baru kepada Kabinet Perdana Menteri John Howard, Paul McClintock, bimbang mengenai perselisihan politik antara Howard dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sedang berusaha untuk membaiki hubungan antara kedua-dua mereka.

Beliau memberitahu pada pertemuan dengan wartawan Malaysia di sini hari ini bahawa beliau bimbang mengenai perselisihan antara kedua-dua pemimpin itu dan antara tugas utamanya ialah memulihkan hubungan politik kepada tahap seperti hubungan lain.

Beliau menyifatkan hubungan antara Malaysia dan Australia sebagai istimewa dan mendalam sambil berkata "pendidikan" menjadi teras bagi hubungan itu tetapi ini tidak terbayang di peringkat politik sejak dekad lalu.

McClintok, ahli perniagaan yang akan menjawat jawatan itu bulan depan, berada di sini untuk lawatan seminggu.

Beliau ialah pengerusi Ashton Mining, syarikat perlombongan utama berlian yang Malaysian Mining Corporation (MMC) mempunyai sebahagian besar kepentingan, dan juga bekas presiden Majlis Perniagaan Australia-Malaysia.

Menurut ringkasan kenyataan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tinggi Australia di sini, beliau dan bapanya, Sir Eric McClintock, telah aktif bagi memupuk hubungan perniagaan dan hubungan rakyat ke rakyat antara kedua-dua negara.

"Hubungan perdagangan dan pelaburan yang kuat antara kedua-dua negara adalah hasil usaha dan pertalian di kedua-dua negara," menurut ringkasan itu.

McClintock berkata Howard menjangka beliau akan membawa "contact" beliau ke dalam tugasnya dan antara lain untuk mencari jalan bagi memulihkan perselisihan politik antara kedua-dua negara.

Beliau berkata beliau mendapati Howard lebih "lebih berani dan terbuka serta konstruktif daripada para pemimpin sebelumnya.

McClintock berkata Australia, yang menghadapi isu dan masalah yang sama berhubung soal globalisasi seperti Malaysia, telah tersalah "diletakkan" bersama "negara-negara besar".

"Kami sedang berusaha untuk mencari kedudukan (dalam globalisasi) dan kami menghadapi isu-isu yang sama," kata beliau.

Beliau juga berkata "apa-apa yang menghalang kami daripada bekerjasama rapat dengan Asia, adalah amat membimbangkan kami."

McClintock berkata beliau tidak mempunyai program untuk merapatkan hubungan antara kedua-dua pemimpin tetapi sebagai permulnaan beliau mahu lebih banyak pertukaran lawatan antara para menteri Kabinet kedua-dua negara.

Pesuruhjaya Tinggi Australia Peter Varghese, yang turut hadir berkata adalah perlu bagi mereka menjelaskan mengenai kpentindan dan kedudukan mereka di rantau itu.

McClintock berkata beliau tidak nampak sebab mengapa Australia harus dibezakan daripada Asi seperti dikecualikan daripada menyertai perundingan Asia Timur seperti dicadangkan oleh Dr Mahathir.

-- BERNAMA

KGO FAZ